

01/10/2003

Memorandum kepada warga dunia diserahkan kepada OIC

KUALA LUMPUR: Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) akan menyerahkan `Memorandum Rakyat Malaysia Kepada Warga Dunia' berhubung soal Iraq dan Palestin kepada sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) 12 Oktober depan.

Memorandum yang dinamakan `Rayuan Keamanan 2' akan diserahkan oleh penaung Aman Malaysia, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi OIC pada masa itu.

Pengerusi Jawatankuasa Memorandum Aman Malaysia, Datuk Dr Zambry Abdul Kadir, berkata penyerahan memorandum itu bagi menyatakan pendirian rakyat Malaysia berhubung isu Iraq dan Palestin, sama seperti yang diserahkan kepada Dr Mahathir pada Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) Februari lalu.

"Harapan kami agar OIC selaku badan yang mewakili aspirasi 1.2 bilion umat Islam mampu bertindak proaktif dan kolektif dalam menyuarakan bantahan terhadap penindasan yang dilakukan ke atas Palestin dan Iraq," katanya pada sidang media di ibu pejabat Umno, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam.